

Aku, Paulus, yang sudah menjadi tua, lagipula sekarang dipenjarakan kerana Kristus Yesus, mengajukan permintaan kepadamu mengenai anakku yang ku dapat selagi aku dalam penjara, iaitu Onesimus. Dia ku suruh kembali kepadamu, dia, iaitu buah hatiku.

Sebenarnya aku mahu menahan dia di sini sebagai ganti mu untuk melayani aku selama aku dipenjarakan kerana Injil, tetapi tanpa persetujuanmu, aku tidak mahu berbuat sesuatu ...
Filemon 9B-10.12-14

September 7, 2025

www.heraldmalaysia.com

Damai sejahtera bagi kamu semua!



(Media Vatikan)

TAKHTA SUCI: Dikasteri untuk Menggalakkan Pembangunan Manusia Sejagat mengeluarkan kenyataan pada Ogos 26 lalu yang menyatakan butiran tentang tema yang dipilih oleh Sri Paus Leo XIV untuk Hari Keamanan Sedunia 2026.

“Sejahtera ke atas kamu semua: Ke arah keamanan yang tidak bersenjata dan melucutkan senjata” adalah tema untuk sambutan tahunan yang didedikasikan kepada keamanan sejagat, yang diraikan setiap Januari 1, iaitu Hari Raya Maria, Bunda Tuhan.

Tema itu, menurut kenyataan akhbar, “mengajak umat manusia untuk menolak

logik keganasan dan peperangan, dan untuk menerima keamanan yang tulen berdasarkan cinta dan keadilan.”

Pada malam pemilihannya sebagai Sri Paus pada Mei 8, 2025, dan pada beberapa kesempatan lain sejak itu, Sri Paus Leo XIV sering melaungkan rayuan untuk keamanan dengan frasa yang menjadi ciri khasnya—“tanpa senjata dan melucutkan senjata”—yang merupakan gambarnya tentang keamanan yang diharapkannya untuk dunia.

“Kedamaian ini harus menolak senjata iaitu, tidak berdasarkan ketakutan, ancaman atau senjata,” kata siaran akhbar itu. Dan ia mesti melucutkan senjata, mampu menyelesaikan konflik, membuka hati dan menjana kepercayaan bersama, empati dan harapan.

“Tidak cukup hanya menyeru untuk keamanan,” katanya. “Kita mesti menjelmkannya dalam cara hidup yang menolak setiap bentuk keganasan, sama ada yang kelihatan atau yang bersifat sistemik.”

Siaran akhbar Dikasteri itu merujuk kepada seruan sejagat untuk seluruh umat manusia mencari keamanan, tidak kira kepercayaan agama atau peranan kita dalam masyarakat.

“Ucapan Kristus yang Bangkit, ‘Damai sejahtera bagi kamu’ (Yohanes 20:19), adalah jemputan yang ditujukan kepada semua orang—orang percaya, orang yang tidak percaya, pemimpin politik dan rakyat—untuk membina Kerajaan Tuhan dan bekerjasama membina masa depan yang berperikemanusiaan dan aman,” ujar kenyataan tersebut.

Kumpulan ucapan pertama Sri Paus Leo XIV dibukukan

ROMA: Pusat Penerbitan Vatikan (LEV) mengeluarkan buku baharu yang mengumpul ucapan awam pertama Sri Paus Leo XIV, yang kuat bernada damai.

Buku berjudul, “Dan Biarlah Ada Kedamaian! Kata-kata kepada Gereja dan Dunia” dalam bahasa Inggeris, Itali, dan Sepanyol telah berada di pasaran bermula Ogos 27 lalu.

Buku setebal 160 muka surat itu menekankan penekanan Bapa Suci keamanan, yang bermula sejak saat beliau dipilih pada Mei 8, apabila beliau berseru dari Basilika Sto Petrus:

“Salam sejahtera ke atas kamu semua! Saudara-saudari yang dikasihi, inilah kata-kata pertama yang diucapkan oleh Kristus yang bangkit, Gembala Baik yang menyerahkan nyawanya untuk kawan Tuhan.”

“Saya ingin ucapan salam sejahtera ini bergema dalam hati anda, dalam keluarga anda, dalam kalangan semua orang, di mana sahaja mereka berada, di setiap negara dan di seluruh dunia.”

“Salam sejahtera ke atas kamu! Itulah kedamaian Kristus yang bangkit. Kesejahteraan yang tidak bersenjata dan melucutkan senjata, rendah hati dan tekun. Kesejahteraan yang datang daripada Tuhan, Tuhan yang mengasihi kita semua, tanpa syarat.”

Juga ketara dalam halaman pertama buku itu ialah seruan Sri Paus Leo untuk berusaha mencapai “Gereja yang bersatu, tanda perpaduan dan persekutuan, yang boleh menjadi ragi bagi dunia yang didamaikan.” **Media Vatikan**

LEONE XIV

E pace sia!

PAROLE ALLA CHIESA E AL MONDO



Muka hadapan buku Sri Paus Leo XIV dalam bahasa Itali, “And Let There Be Peace”. (Media Vatikan).

Terdapat bahagian-bahagian dalam kitab suci yang sepatutnya disertakan dengan label peringatan, seperti yang selalunya dipaparkan pada akhir filem: "Tiada haiwan yang cedera semasa penggambaran".

Salah satu teks yang patut diberi label ialah sebuah cerita dalam Kitab Hakim (11: 29-39), mengenai seorang raja bernama Yefta yang sedang berperang dan membuat janji kepada Tuhan bahawa jika Tuhan membenarkannya menang, dia akan mengorbankan orang pertama yang ditemuinya apabila dia pulang ke rumah sebagai korban bakaran kepada Tuhan.

Tuhan memberikan kemenangan kepada Yefta dan apabila Yefta pulang ke rumah, orang pertama yang menyambutnya ialah anak perempuannya sendiri, yang masih remaja.

Yefta sangat menyesali sumpahnya. Namun, anak perempuannya bersetuju untuk dipersembahkan sebagai korban bakaran, tetapi dia meminta satu perkara dahulu, iaitu diberi masa dua bulan untuk pergi ke gunung "bagi meratapi keperawanan saya bersama teman-teman."

Bapanya memberikan kebenaran dan gadis itu pergi bersama teman-temannya untuk meratapi hakikat bahawa dia akan mati sebagai anak dara.

Gadis itu kemudian kembali dan dikorbankan sebagai persembahan bakaran kepada Tuhan.

Jika diambil secara literal, ini ialah kisah yang mengerikan – janji bodoh yang dibuat kepada Tuhan malah Tuhan pula menerima sumpah sedemikian, memberi kemenangan yang mengorbankan seorang anak perempuan, ia benar-benar menunjukkan kuasa lelaki yang kejam!

Namun, sebenarnya tiada siapa yang mati dalam cerita ini. Kisah Yefta dan anak perempuannya itu tidak boleh difahami secara literal, tetapi harus diambil sebagai metafora, dan inti kisah itu ialah Tuhan tidak memberikan rahmat sebagai balasan kepada pengorbanan manusia.

Pesan sebenar cerita ini ialah tentang gadis remaja, yang meminta peluang untuk meratapi hakikat bahawa dia akan mati sebagai anak dara, kerana banyak lagi yang mahu dilakukannya.

Apakah yang dia minta? Apakah maksud meratapi keperawanan? Bagaimana sese-

Berdamai dengan kehidupan



orang meratapi perkara ini?

Apa yang terkandung dalam metafora ini ialah hakikat bahawa setiap daripada kita, wanita atau lelaki, berkahwin atau bujang, umur panjang atau pendek, akhirnya akan mati sebagai "anak dara" iaitu tidak semua apa yang kita mahukan, dapat diperolehi.

Secara harfiahnya, kita melihat ini berlaku pada seseorang yang tidak pernah berkahwin, bujang, tidak pernah mempunyai pasangan dan akan mati dalam keadaan seperti itu iaitu seorang diri, tidak berkahwin. Seperti anak perempuan Yefta, dia akan mati sebagai anak dara.

Kadang-kadang apabila memimpin retret untuk paderi atau biarawati, saya akan bertanya soalan ini kepada mereka: Pernahkah anda meratapi selibat anda? Pernahkah anda bersedih kerana akan menjalani kehidupan tanpa keintiman seksual, tanpa anak, tanpa dapat menjadi datuk atau nenek?

Namun terdapat jawapan yang bijak untuk soalan-soalan ini: "Keperawanan" yang

perlu diratapi oleh anak perempuan Yefta adalah sesuatu yang kita semua perlu rata-pi, walaupun kita sudah melalui keintiman seksual, mempunyai anak dan cucu.

Suatu ketika semasa dalam sebuah perhimpunan fakulti apabila beberapa paderi sedang membincangkan selibat, tiba-tiba seorang rakan sekerja, seorang wanita yang bahagia berkahwin, mencabar kami dengan kata-kata ini: Anda yang selibat terlalu bersimpati dengan diri sendiri. Tahukah anda apa yang lebih teruk daripada tidur bersendirian? Tidur bersendirian namun anda sebenarnya tidak tidur bersendirian. "Keintiman seksual, meskipun pada tahap yang paling nikmat, tidak menghilangkan kesunyian anda."

Dia betul. Tiada siapa yang mendapat kepuasan hidup sepenuhnya. Karl Rahner pernah menjawab kepada seorang rakan yang menulis kepadanya merungut bahawa, walaupun dia berada dalam perkahwinan yang baik, dia masih berasa sangat kesunyian dalam banyak cara.

Rahner menasihatinya supaya tidak menyalahkan isterinya kerana perkahwinan itu terasa sunyi, tidak ceria, sebaliknya belajar untuk menerima bahawa "dalam kehidupan ini tiada simfoni yang sempurna."

Kita semua akan mati dengan beberapa impian yang tidak tercapai; tiada seorang pun daripada kita akan mengalami kesempurnaan hidup, pelukan yang memuaskan dan hubungan yang benar-benar bebas daripada kemarahan.

Walaupun bagaimanapun, kita masih boleh menjalani kehidupan yang bahagia dan bermakna walaupun ada kekurangan.

Namun, seperti yang dinyatakan oleh anak perempuan Yefta, kita perlu meratapi ketidaksempurnaan itu supaya kita dapat mati dalam keadaan damai dan menerima simfoni tidak lengkap itu.

Jika kita tidak mengakui ketidaksempurnaan itu dan meratapinya, mungkin ia akan mendorong kita untuk terus tenggelam dalam kekecewaan, kemarahan, dengan dan kemurungan.

Lebih buruk lagi, jika kita tidak dapat berdamai dengan hakikat bahawa kehidupan ini tidak dapat memberikan kita simfoni yang lengkap, kita akan mempunyai kecenderungan bawah sadar untuk terlalu tegas terhadap orang lain (rakan perkahwinan kita, keluarga kita, rakan-rakan kita, Gereja kita dan kehidupan itu sendiri).

Dan bagaimana kita boleh meratapi ketidaksempurnaan kita?

Kita berkabung dengan cara kita sendiri, tetapi semua perkabungan bermula dengan menyedari apa yang hilang, apa yang telah diambil daripada kita. Jadi, kita mula meratapi "keperawanan" kita dengan mengakui dan menerima apa yang Rahner beritahu rakannya, bahawa kehidupan ini, tiada simfoni yang lengkap dan sempurna!

Bagaimana kita dapat meratap seperti anak perempuan Yefta?

Ada yang mungkin menghadapinya dengan menerima bimbingan rohani, terapi psikologi atau amalan ritual tertentu, tetapi kita semua mesti membawa "ratapan anak dara" itu secara sadar dalam doa dan kemudian, seperti anak perempuan Yefta, menghabiskan beberapa bulan di pergunungan bagi membiarkan air mata kita mengalir bebas. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

HARI MINGGU BIASA KE-23

KEBIJAKSANAAN 9:13-18
FILEMON 9B-10.12-17
INJIL LUKAS 14:25-33

Pertanyaan Yesus yang harus dijawab setiap orang, apabila ingin mengikuti-Nya atau menjadi murid-Nya ialah: Sudah pastikah kamu memutuskan mahu mengikuti Aku? Apakah nilai atau harga "menjadi murid-Ku" itu lebih tinggi/mahal daripada kemampuan dan kesediaanmu untuk membayarnya?

Bagi sesiapa pun, kaya atau miskin, orang besar atau orang kecil, kedudukan mahupun tugas — semua orang harus mengambil keputusan prinsip yang sama!

Mampu, sanggup dan sungguh maukah aku membayar "harga" setinggi itu?

Pengalaman menunjukkan, bahawa pada awalnya kita penuh semangat dan gembira. Namun, sanggupkah kita tetap rela untuk gigih dan tekun bagi membayar harga "kemuridan Yesus" itu dan sungguh menghayatinya sepanjang hidup kita?

Dalam perumpamaan itu, sama ada orang yang mahu membangun menara, mahupun si raja yang mahu berperang,

Tinggalkan 'kelekatan' pada material duniawi

harus membuat pertimbangan dan memperhitungkan risiko sebelum mengambil keputusan muktamad.

Murid Yesus harus tahu, bahawa mengikut Dia menuntut kesetiaan dan sentiasa memberi keutamaan kepada-Nya.

Pada dasarnya, mahu menerima peribadi Yesus bererti bersedia memikul salib-Nya!

Apa ertinya memikul salib dalam semua keadaan masa kita? Dan apakah pekerjaan kita sebagai murid Yesus, sebagai orang Katolik yang sudah dibaptis?

Kita hidup di tengah-tengah masyarakat dalam pelbagai situasi, cabaran, tuntutan seperti kedudukan, gelar, populariti, wang, kekayaan, kenikmatan, tetapi juga pasti akan menghadapi pertentangan, persaingan, kemiskinan dan ketidakadilan.

Oleh sebab itu, di tengah-tengah situasi tidak nyaman itu, setiap orang Kristian dipanggil untuk memilih ajaran dan sikap Kristus, untuk mengambil keputusan dan menentukan sikap hidup

dan perbuatan kita.

Inilah cabaran besar bagi kita! Sanggupkah kita melakukannya berulang kali?

Kita seringkali mengambil keputusan yang sebenarnya hanya memberi manfaat kepada diri sendiri.

Sikap ini menimbulkan bahaya, kita menjadi peribadi yang tidak memiliki pendirian, menjadi oportunis, mudah terpengaruh, cenderung mencari apa yang memuaskan, bukan mengejar kebenaran atau mengambil keputusan yang selaras dengan ajaran dan sikap Yesus.

Kita menjadi orang beriman tetapi dengan sikap menimbang-nimbang, beriman separuh, mahu beriman tetapi hangat-hangat tahi ayam serta kurang bertindak menurut iman yang dianutnya.

Amat penting untuk mendidik dan mengajak kaum muda dalam mengambil keputusan dan pilihan secara benar dan

secara benar! Mengapa?

Ini adalah kerana kebahagiaan sejati bukan bersikap sementara, melainkan tetap, taat dan tahan lama.

Sebab kebahagiaan hanya kita capai apabila kita mencapai apa yang kita lakukan dengan segenap komitmen, usaha, keteguhan mengikut dan menghayati sikap, hidup dan perbuatan Yesus.

Kebahagiaan hanya diperoleh apabila kita bersusah payah memenuhi pilihan untuk hidup mengikut Yesus atau menjadi murid-Nya yang sejati.

Kedewasaan Kristian sejati ialah kemampuan dan keberanian mengambil putusan dan pilihan yang benar serta dibuktikan secara nyata hidup menurut ajaran Kristus.

Di tengah-tengah situasi hidup masyarakat, walau di mana pun kita berada, ingatlah bahawa Yesus mengundang kita menjadi murid-Nya yang sejati.

Bersedialah memikul salib, yang pelbagai macam bentuknya, "kerana jikalau seorang datang kepada-Ku dan ia tidak membenci bapanya, ibunya, isterinya, anak-anaknya, saudara-saudaranya, laki-laki atau perempuan, bahkan nyawanya sendiri, ia tidak dapat menjadi murid-Ku" (Luk 14:26). Marilah kita memperbaharui pilihan kita!

Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm.



Orang Asli dan AI



TANGKAK, Johor: Bersempena dengan Perayaan Hari Orang Asal sedunia, Kumpulan Bahasa Malaysia dan Kebudayaan (BMLCC) bersama dengan komuniti umat di Rumah Besar Tok Batin Bekoh telah menganjurkan satu perayaan untuk komuniti Orang Asli di kampung tersebut.

Perayaan dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Moses Rayappan, dibantu oleh Fr Aaron Alammalay dan Fr Alexuchelvam Mariasosai

Dalam homilinya sesuai dengan tema sambutan pada tahun ini, iaitu "Orang Asli dan Kecerdasan Buatan: Mempertahankan Hak, Membentuk Masa Depan", Fr Moses memberi penekanan betapa pentingnya komuniti Orang Asli mengetahui hak dan suara mereka dan mempertahankan bahasa, budaya, tradisi dan juga tanah mereka. "Kita harus tahu hak, adat tradisi, kebudayaan dan kepercayaan kita agar tidak dijual sebagai barang komoditi," ujar Fr Moses.

Fr Moses mengatakan bahawa orang Asli juga adalah anak kesayangan Tuhan dan Tuhan mengasihi kamu sehingga Dia memberikan kamu hutan dan alam semula jadi, untuk dijaga dan menyimpannya sehingga generasi masa depan.

"Kita bukanlah pemilik alam semesta. Atas nama pembangunan dan projek, ramai Orang Asli telah menjadi mangsa!"

Paderi itu menyeru agar kumpulan orang asal bersatu dan memberi kepentingan kepada adat tradisi dan tanah dan tidak membiarkan orang lain merampas atau menjual tanah mereka.

Setelah Misa Kudus selesai, acara dilanjutkan dengan persembahan tarian dari para belia dan juga tarian kanak-kanak.

Turut hadir dalam perayaan itu ialah komuniti Orang Asli dari Tekir dan Batang Melaka, umat dari komuniti dan bahasa lain dari paroki St Francis Xavier, Melaka serta paroki St Andrew, Muar. **BMLCC**

Ulang Tahun Imamat ke-25, Fr Joseph Heng

KRUBONG, Melaka: Paroki *Our Lady of Guadalupe* (OLG), Krubong, Melaka telah merayakan ulangtahun ke-25 pentahbisan paderi parokinya, Fr Joseph Heng pada Ogos 7 lalu.

Perayaan dimulakan dengan doa rosari diikuti dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Joseph Heng.

Misa ulang tahun pentahbisan ini dirahmati dengan kehadiran 67 orang klerus dan religius, termasuk Uskup Pulau Pinang, Kardinal Sebastian Francis, serta Uskup Philip Huang Jaw-Ming dan Uskup Emeritus James Liu Tan-Kuei dari Keuskupan Hualien, Taiwan.

Dalam homilinya, Fr Joseph Heng meluahkan rasa gembira dan syukurnya atas hubungannya dengan Kristus yang telah dipupuk selama 25 tahun sebagai seorang paderi.

Tentang kata-kata Yesus, "Aku memanggil kamu sahabat-Ku", Fr Joseph Heng berkongsi, "Pertama, semua golongan klerus serta umat awam harus sentiasa memulakan suatu perjalanan yang memupuk pertemuan yang intim dan mendalam dengan Tuhan, pertemuan yang



memerlukan penyerahan diri yang menyeluruh agar menjadi selaras dengan imej Gembala Baik."

"Kedua," katanya, "persaudaraan dalam kalangan klerus amatlah diperlukan dalam kehidupan seseorang imam untuk berkongsi suka duka pelayanan pastoral."

"Ketiga, walaupun kehidupan imamat menghadapi pelbagai cabaran hari ini, Tuhan yang tinggal di tengah-tengah kita

setia kepada janji-Nya serta memanggil kita untuk bersama dengan Dia."

Fr Joseph turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir serta mengingatkan ibu bapa agar dapat menyemai dan memupuk panggilan anak-anak mereka bagi mendengar panggilan Tuhan.

Kardinal Sebastian Francis, dalam ucapannya, mengucapkan terima kasih kepada umat serta mendiang Uskup

James Chan dan Fr John Yu atas dorongan mereka kepada Fr Joseph sepanjang tempoh pembelajarannya di seminari.

Kardinal Sebastian juga mengucapkan terima kasih kepada uskup-uskup dari Taiwan kerana telah membentuk ramai paderi dari Malaysia.

Selepas Misa, umat dan klerus beredar ke perkarangan Gereja untuk jamuan makan dan persembahan daripada pelbagai kumpulan pelayanan paroki OLG.

Mision Paitan rai Hari Minggu Kateketikal buat kali pertama

PAITAN, Sandakan: Buat pertama kalinya, Mision Paitan mengadakan Hari Minggu Kateketikal bertempat di Gereja St Francis Of Assisi, Kg. Sukang.

Program ini mengangkat tema, "Kita dapat menjadikan dunia tempat yang lebih baik" (Fil-2:4). Tema tersebut mengingatkan para katekis dan semua yang terlibat dalam pelayanan kateketikal agar tidak mementingkan diri sendiri, tetapi turut memikirkan kepentingan dan kesejahteraan orang lain.

Semasa Misa Kudus, Fr Arthur dalam homilinya menegaskan bahawa kekayaan

duniawi bukanlah ukuran sebenar kebahagiaan. Paderi itu mengajak umat agar terus melakukan kebaikan dan menjadi saluran kasih Tuhan dalam kehidupan harian.

Terdapat tiga aktiviti utama sempena Hari Minggu Kateketikal di Mision Paitan. Salah satunya, ialah aktiviti mewarna bagi pelajar Pertemuan Minggu Gembira (PMG) yang berusia tujuh hingga 12 tahun. Pelajar yang mengambil bahagian mendapat saguhati, manakala hasil mewarna tiga terbaik dipilih daripada setiap kategori umur untuk diberikan hadiah.

Seterusnya, ialah aktiviti perkongsian rohani bertulis berdasarkan tema yang melibatkan pelajar Inisiasi Kristian Dewasa (IKD) dan PMG berumur 13 tahun ke atas. Para peserta diberikan kertas untuk menulis perkongsian mereka "Bagaimana saya dapat menjadikan dunia tempat yang lebih baik dari aspek diri, keluarga, komuniti dan alam sekitar?"

Setelah itu, mereka menyampaikan perkongsian mereka di hadapan umat.

Aktiviti ketiga yang dijalankan, ialah pertandingan kraf tangan menggunakan bahan kitar alam sekitar dan tanggung-

jawab sosial.

Terdapat tujuh kapela di bawah jajaan Mision Paitan, telah menyertai kraf tangan ini. Antara kraf tangan yang telah dihasilkan ialah;

- Tong sampah kitar semula yang dibina daripada kotak terbuang.
- Tong sampah besar yang dibina daripada botol plastik terbuang.
- Replika Gereja yang dibina daripada kotak, dan bahan-bahan terbuang.
- Tikar dan beg tangan yang dibina daripada plastik terbuang.
- Pasu yang dibuat daripada kertas terbuang.
- Pasu bunga yang dibina daripada botol plastik dan bahan plastik terbuang.
- Tiga pasu yang dibina daripada botol plastik terbuang dan reben terpakai.


Program ini mendapat sambutan yang amat baik daripada umat Mision Paitan. Semangat kerjasama, kreativiti, dan penglibatan aktif jelas terpancar dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Semoga nilai-nilai yang telah dipupuk sepanjang program ini akan terus subur dalam kehidupan harian umat seterusnya memperkukuhkan iman dan komuniti Kristian di Mision Paitan.



Sahabat kecil Yesus

En Ben dan keluarganya baharu berpindah ke Taman A. Mereka hendak ke Gereja terdekat dengan taman mereka. Bolehkah adik-adik bantu mereka mencari jalan untuk ke Gereja?



Warnakan gambar di bawah dan lukiskan sama ada gambar Yesus atau salib pada kotak yang disediakan.



Hello anak-anak,

Kita selalu menghadapi keputusan penting dalam hidup. Misalnya, pada hari Minggu, kita mungkin menghadapi dilema, mahu ke Gereja atau mahu berehat?

Sebenarnya apa pun keputusan yang kita ambil, dahulukanlah Yesus.

Mungkin ada orang yang mengatakan, mengikuti Yesus itu mudah kerana Dia ialah Tuhan kita.

Namun, Yesus memberi peringatan bahawa tidak selalu mudah untuk mengikut-Nya.

Kita juga mungkin memikirkan, adakah jika kita memilih mengikuti Yesus bermakna kita perlu melepaskan rakan-rakan yang membuat pilihan yang buruk?

Adakah kita akan memilih untuk mengikut Yesus jika itu bermakna kita harus berpindah ke tempat yang jauh dan meninggalkan keluarga kita? Adakah

dengan mengikuti Yesus, bermakna kita tidak akan dapat tinggal di rumah besar atau memandu kereta mewah?

Anak-anak, jangan takut. Yesus tidak menghalang kita untuk menjadi kaya atau memiliki barangan mewah. Namun kemewahan dan kesenangan itu perlu dikongsi dengan mereka yang susah.

Yesus berkata, "Sesiapa yang tidak memikul salibnya dan mengikut Aku, tidak dapat menjadi murid-Ku."

Di manakah Yesus membawa salib-Nya? Dia membawanya ke Kalvari. Di atas salib itulah Yesus menyerahkan nyawa-Nya agar anak-anak dan antie dapat memiliki kehidupan kekal.

Marilah kita berdoa agar Roh Kudus sentiasa menolong kita membuat keputusan yang betul dalam hal mengikut Yesus!

Salam Sayang
Antie Melly

Cari Perkataan Tersembunyi



**MURID NYAWA SAUDARA
MUSUH RAJA MEMIKUL
KERJA DATANG BERI SALIB**

BELIA



PERTEMUAN DIGITAL BAPA SUCI DENGAN 15,000 BELIA



ZIARAH KUATKAN MEMORI PELAJAR TENTANG KISAH PENYELAMATAN TUHAN

KOTA SINGAPURA: Pelajar Katolik di Singapura merayakan Jubli Belia pada bulan lalu dengan Misa, ziarah dan komitmen peribadi untuk menghayati iman mereka.

Menurut *Catholic News SG*, akhbar rasmi Gereja Katolik di Singapura, pelajar dari sekolah Katolik menyertai perayaan tersebut melalui liturgi sekolah dan ziarah tempatan sambil membuat resolusi untuk berkongsi Kristus dengan orang lain.

Di Sekolah Katolik Hai Sing di Pasir Ris, Misa Jubli menjadi peluang bagi kaum umat Katolik muda untuk menetapkan matlamat iman peribadi.

Dionetta Jean D’Cruz, 15, berkata bahawa hatinya terbuka untuk menghubungi mereka yang mungkin berasa diabaikan.

“Saya mahu membuat orang-orang ini berasa disayangi dengan menunjukkan kepada mereka bahawa mereka tidak pernah bersendirian dan Tuhan akan sentiasa

ada untuk mereka tidak kira apa pun,” katanya.

Pelajar lain, Lactaen Hannah Claire Andalajao, 13, pula berharap dapat “membantu badan amal dan menyebarkan Firman Tuhan kepada orang-orang yang belum mengenal Kristus.”

Naomi Chan, seorang penziarah muda pula berazam untuk membantu ibu bapanya dengan kerja rumah “dan melakukannya dengan gembira.”

Pelajar kemudian berziarah ke Katedral Gembala Baik yang diketuai oleh penaung mereka, Sr Bernadetha Kigo, FMM.

“Para pelajar berdoa rosari sepanjang perjalanan dan kekal berdoa ketika berarak masuk ke katedral dan sepanjang petang,” kata Sr Bernadetha.

Biarawati itu menyatakan harapan agar para pelajar “meneruskan semangat doa ini sepanjang tahun, dan semoga ketekunan doa serta pengalaman ziarah membantu

mereka untuk lebih dekat dengan Tuhan, keluarga dan rakan-rakan mereka.”

Sementara itu, pelajar *Catholic Junior College* yang berziarah ke tiga buah Gereja bersejarah di kawasan Bras Basah dan Bugis, Katedral Gembala Baik, Gereja Sto Petrus dan Paulus serta Gereja St Joseph.

Salah seorang peserta ziarah, Faith Elora Hor, berkongsi bahawa pengalaman ziarah itu menonjolkan kehadiran Tuhan yang berterusan dalam sejarah Gereja di Singapura.

“Setiap tapak suci menceritakan kisah bagaimana misionari dan komuniti awal mengekalkan semangat iman walaupun menghadapi pelbagai halangan,” katanya.

“Tuhan sentiasa berjalan bersama kita, dan saya mempunyai kepercayaan dan harapan yang diperbaharui bahawa Dia akan terus membimbing kita ke hadapan.”

LICAS News

VATIKAN: Dijangka 15,000 remaja, berusia 14-18 tahun dari pelbagai gerakan belia Katolik di seluruh Amerika Syarikat berpeluang untuk berdialog dengan Sri Paus Leo dalam dialog langsung selama 45 minit, November ini.

Pejabat Akhbar Takhta Suci dan Persekutuan Kebangsaan untuk Pelayanan Belia Katolik (NFCYM) membuat pengumuman ini pada Ogos 15 lalu.

Acara pertemuan digital pertama Bapa Suci dengan golongan muda di Persidangan Belia Katolik Kebangsaan (NCYC), akan berlangsung pada Jumaat, November 21, 2025.

NCYC 2025 akan mengumpulkan ribuan belia Katolik, pemimpin kerasulan belia dan sukarelawan dari seluruh negara selama tiga hari untuk berdoa, pembentukan, komuniti dan perayaan di Indianapolis.

Bapa Suci akan berinteraksi secara langsung dengan beberapa orang muda, yang akan dipilih dan bakal disiarkan oleh EWTN.

Dialog langsung itu dijangka akan terus mencerminkan keprihatinan dan perhatian Gereja

terhadap suara, pengalaman, dan harapan mereka.

Menurut *Media Vatikan*, acara besar itu adalah ditunggu-tunggu oleh kaum muda selepas berjuta-juta anak muda berpeluang bertemu dengan Sri Paus Leo secara bersemuka mahupun dalam talian pada Jubli Pengaruh Digital yang pertama di Roma, baru-baru ini.

Uskup Agung Nelson J. Pérez dari Philadelphia, yang berkhidmat sebagai Penasihat Episkopal dan ahli lembaga untuk NFCYM, menyatakan kegembiraannya atas acara tersebut.

“Pilihan Bapa Suci untuk bertemu dengan belia Amerika dengan cara ini adalah ungkapan kedekatannya dengan belia Katolik,” katanya.

Pengarah Eksekutif NFCYM, Christina Lamas, berkata, “Kami berasa rendah hati dan teruja untuk mengalu-alukan Bapa Suci ke NCYC,” sambil menambah bahawa “kehadiran-Nya adalah peringatan yang mendalam bahawa golongan muda adalah teras Gereja dan suara mereka penting.”

Media Vatikan

LIMBAHAU, Papar: “Sebagai murid misionari yang membawa sukacita Injil, belas kasihan dan harapan khususnya kepada kaum muda, kita dipanggil melalui Perjalanan Salib untuk melangkah dengan yakin, memperkenalkan cinta, belas kasihan dan harapan Tuhan kepada semua orang,” kata Msgr Nicholas Stephen semasa Misa Kudus penerimaan Perjalanan Salib di Gereja Holy Rosary Limbahau (HRL) pada Ogos 23.

Paroki HRL menerima Perjalanan Salib dari paroki *Blessed Sacrament* Labuan.

Setelah lebih seminggu berada di Labuan, Perjalanan Salib dibawa ke paroki Limbahau oleh paderi paroki *Blessed Sacrament*, Fr Thomas Madanan dan beberapa perwakilan dari Labuan.

Penerimaan Perjalanan Salib disambut meriah oleh belia, umat paroki dan penziarah dari

St Theresa, Kota Marudu dan beberapa Gereja lain.

Misa Kudus dipimpin oleh Msgr Nicholas. Turut membantu Msgr di altar ialah Fr Lasius Gantis, Fr Joshua Liew, Fr Thomas dan Fr Rayner Bisius.

Perjalanan Salib merupakan salah satu acara untuk persiapan sebuah konvensyen besar iaitu Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026).

MPC2026 ialah sebuah acara besar yang bakal menggabungkan sembilan keuskupan/agung di Malaysia buat pertama kalinya.

Selepas Misa Kudus, acara persaudaraan diadakan di dewan paroki. Pelbagai acara menarik, antaranya tayangan video sepanjang keberadaan Perjalanan Salib di paroki Labuan, persembahan *action song* daripada kanak-kanak, persembahan lakonan, serta nyanyian koir.

Perjalanan Salib tiba di HRL



Berita singkat antarabangsa

Sri Paus utus telegram sempena ulang tahun ke-400 ketibaan paderi Lithuania di India

VATIKAN: Sempena ulang tahun ke-400 ketibaan paderi Yesuit Lithuania pertama, Fr Andrius Rudamina, di India, Sri Paus Leo XIV menghantar telegram kepada Keuskupan Agung Goa dan Damam pada Ogos 25.

Dalam mesej yang ditandatangani oleh Setiausaha Negara, Kardinal Pietro Parolin, Sri Paus menyampaikan ucapan selamat kepada semua yang berkumpul di Katedral di Goa Lama untuk memperingati peristiwa itu.

Bapa Suci menyatakan bahawa

beliau bersyukur kepada Tuhan atas kesaksian Fr Rudamina sebagai seorang misionari sehingga "iman Katolik yang kukuh masih dapat dilihat di Lithuania pada hari ini."

Sri Paus juga berdoa agar perayaan sukacita itu dapat memberi keberanian besar para paderi untuk membawa Injil kepada semua orang agar dapat memberi galakan kepada ramai orang memberi sahutan serta kebijaksanaan dalamewartakan Khabar Gem-bira. Media Vatikan

Patung calon santo Carlo Acutis bakal tarik ramai penziarah muda

ASSISI, Itali: Sebuah patung baru menampilkan Beato Carlo Acutis adalah mesej yang menyampaikan kepada dunia bahawa Gereja Katolik bukanlah institusi lama tetapi Gereja yang muda dan bertenaga, sangat relevan untuk budaya hari ini, kata pengukir patung itu.

Patung Beato Carlos itu diperkenalkan pada Ogos 15 di *Shrine of the Renunciation* di Gereja St Mary Major di Assisi, tempat bakal santo itu dikedukikan.

Pengukir patung dari Kanada tersebut, Timothy Schmalz berkata bahawa "Gereja adalah untuk

golongan muda dan ia adalah Gereja yang sedang berkembang."

Katanya lagi, "Carlo Acutis pernah menyebut bahawa dia mahu dikedukikan di Assisi. Saya pasti dia akan gembira apabila bukan sahaja makamnya ada di sana, tetapi kini terdapat ukiran patung yang memperingatinya, yang dibuat daripada gangsa, yang akan berada di sana selama lebih seribu tahun," kata Timothy.

Patung gangsa setinggi 11 kaki, digelar "Sto Carlo di Salib yang menggambarkan Carlo yang berlutut di sebelah Kristus yang disalib." Ucan News

Seminar Thailand sertai latihan pastoral untuk orang pekak

BANGKOK: Fr Peter Bhuravaj Searaariyah, Pengarah Pelayanan Pastoral untuk Orang Pekak Keuskupan Chanthaburi dan Konferensi para Uskup Katolik Thailand, telah mengetuai program latihan dari Ogos 22-24, dengan sokongan pengarah seminari, Fr Chatchai Nilkhet.

Sesi-sesi dalam latihan selama dua hari memperkenalkan kepada para seminarian tentang asas pastoral pelayanan orang pekak, terminologi bahasa isyarat agama, penyertaan dalam Misa Bahasa Isyarat Thai (TSL), dan membaca Liturgi Sabda dalam bahasa isyarat.

Latihan tersebut telah mendapat sambutan menggalakkan, mendorong Fr Peter mengem-

bangkan latihan ke seminari kecil lain di Thailand juga untuk kongregasi-kongregasi religius.

"Matlamatnya ialah untuk menyediakan paderi dan religius berkhidmat kepada orang pekak dengan pemahaman dan belas kasihan," katanya.

Ternyata, selepas latihan tersebut, ramai seminarian menyatakan keinginan untuk memperdalamkan lagi pengetahuan mereka tentang bahasa isyarat untuk kerja-kerja pastoral. Malah sekumpulan seminarian telah membentuk rangkaian dalam talian untuk berkongsi sumber, membincangkan budaya Orang Pekak, dan meneroka cara pastoral memberi pelayanan berkesan untuk golongan itu. LiCAS News

Kebuluran di Gaza melanggar Konvensyen Genosid

JALUR GAZA: Sebagai tindak balas kepada perkembangan yang dahsyat di Gaza, di mana pasukan Israel menyerbu Bandar Gaza pada Ogos 20 — sebuah bandar yang kini menempatkan hampir satu juta orang awam yang kehilangan tempat tinggal — Caritas *Internationalis* telah mengeluarkan kenyataan "menyaksikan kegerihan ini."

Dua hari kemudian, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu secara rasmi mengisytiharkan kebuluran di kawasan terjejas. Caritas menekankan bahawa keadaan

sudah merosot secara drastik: 273 orang telah meninggal dunia akibat kebuluran, termasuk 112 kanak-kanak.

Kematian ini, bukanlah kemalangan tragis, tetapi hasil daripada pilihan orang ramai yang acuh tak acuh.

Hak rakyat Gaza untuk mendapatkan keperluan asas tidak dihormati. Mereka kehilangan tempat tinggal, makanan dan keselamatan. "Ini bukan perang. Ia adalah kemusnahan sistematik kehidupan awam," ujar Caritas. Media Vatikan

Umat Kristian harus bina harapan di tengah penderitaan

VATIKAN: Pada masa ketika banyak kerajaan nampaknya tidak mampu mempromosikan keamanan, keadilan dan pembangunan untuk semua, umat Kristian harus terus bersifat kenabian, menjangkau orang lain dan berani mencuba sesuatu yang baharu, kata Sri Paus Leo XIV.

"Tanpa mangsa sejarah, tanpa mereka yang lapar dan dahaga keadilan, tanpa pendatang dan pelarian, tanpa jeritan seluruh ciptaan, kita tidak akan mempunyai batu-batu baharu yang diperlukan untuk membina kerajaan Tuhan," kata Sri Paus semasa menghadiri Pertemuan di Rimini.

Puluhan ribu orang dewasa muda dari seluruh dunia berkumpul setiap bulan Ogos di bandar tepi laut Rimini, Itali untuk perhimpunan yang dianjurkan oleh Pergerakan Persekutuan dan Pembebasan.

Pertemuan pada Ogos 22-27, mengambil tema daripada T.S. Eliot, "The Rock": Di tempat-tempat yang kosong kita akan membina dengan batu bata baharu.

Penganjur berkata tema itu bertujuan "untuk meluahkan harapan akan kebaharuan dalam drama sejarah, keinginan untuk membina bersama tempat-tempat untuk berkongsi pencarian dan pengalaman tentang apa yang benar, baik dan adil."

Kardinal Pietro Parolin, setiausaha negara Vatikan, menulis kepada para peserta perhimpunan bagi pihak Sri Paus Leo yang diterbitkan pada Ogos 21.

Salah satu pameran yang dipaparkan pada perhimpunan itu ialah pameran para martir Algeria: Uskup Pierre Claverie dari



Oran dan 18 orang lain, termasuk tujuh biarawan Trappist dari Tibhirine, yang terbunuh antara tahun 1993 dan 1996 ketika Algeria berperang dalam konflik bersenjata selama 10 tahun antara pasukan kerajaan dan kumpulan pemberontak Islam ekstremis.

Kardinal Parolin berkata bahawa Bapa Suci mengagumi pilihan para martir itu dan mereka ialah contoh "panggilan Gereja untuk tinggal di padang pasir dalam persekutuan yang mendalam dengan seluruh umat manusia, mengatasi tembok ketidakpedulian yang menentang agama dan budaya antara satu sama lain, dengan meneladani sepenuhnya pergerakan inkarnasi dan pemberian Anak Tuhan."

"Cara kehadiran dan kesederhanaan, pengetahuan dan 'dialog kehidupan' para martir ialah jalan sebenar misi," kata pesan itu.

Bukan dengan mementingkan diri sebaliknya penyerahan diri sehingga ke tahap martir, yang bagi mereka, siang dan malam, dalam kegembiraan dan di tengah-tengah kesusahan, menyembah Yesus sahaja sebagai Tuhan.

"Mereka yang bertanggung-

jawab ke atas institusi negara dan antarabangsa nampaknya tidak dapat menguatkuasakan kedaulatan undang-undang, pengantaraan dan dialog," kata mesej itu, "komuniti religius dan masyarakat sivil mesti berani untuk menjadi nabi."

"Ini bermakna membenarkan diri kita dipandu ke 'padang pasir' dan melihat apa yang muncul daripada runtuh atau penderitaan mereka yang tidak bersalah."

Fokus perhimpunan Rimini juga ialah dialog. Dialog antara Katolik yang berbeza pendapat, dengan Kristian lain dan dengan penganut agama lain.

"Dialog ialah satu-satunya cara untuk menyediakan 'batu-batu baharu' demi membina masa depan yang sudah disediakan Tuhan untuk semua orang," kata mesej itu.

"Untuk melayani Tuhan yang hidup, kita mesti meninggalkan penyembahan berhala yang mementingkan keuntungan diri sendiri sehingga menjejaskan keadilan serta pertaubatan."

"Semua orang jika bekerjasama untuk melakukan kebaikan akhirnya akan mewujudkan keamanan!"

Media Vatikan

Badan hak asasi manusia bangkitkan isu penukaran agama paksa, perkahwinan

LAHORE, Pakistan: Komisi Hak Asasi Manusia Pakistan (HRCP) pada Ogos 19, membangkitkan kebimbangan mengenai peningkatan keganasan terhadap orang Kristian dan Hindu, semasa seminar di Lahore yang melancarkan laporan terbarunya.

Laporan, *Streets of Fear: Freedom of Religion and Belief in 2024/25*, membentangkan gambaran yang membimbangkan tentang kebebasan beragama dan hak minoriti dalam tempoh setahun lalu, mendokumentasikan serangan yang semakin teruk di seluruh negara.

Penemuan menunjukkan peningkatan keganasan terhadap golongan minoriti, termasuk pembunuhan Ahmadis yang disasarkan dan merobohkan tempat ibadat yang dilindungi, manakala dua suspek penghujatan dibunuh oleh polis selepas melarikan diri daripada perusuh yang bermusuhan.

Pakistan kekal sebagai republik Islam di mana umat Islam membentuk hampir 95 peratus daripada penduduk dan kurang daripada



lima peratus merupakan minoriti agama seperti Kristian, Hindu, dan Ahmadi.

Laporan itu juga menyebut tentang penukaran agama paksa dan perkahwinan kanak-kanak yang melibatkan gadis Hindu dan Kristian di Punjab dan Sindh, menunjukkan penguatkuasaan undang-undang sekatan perkahwinan yang lemah dan kegagalan sistemik yang mendalam.

HRCP memberi amaran bahawa ucapan kebencian merebak tanpa

kawalan, sambil menyatakan ancaman terhadap Ketua Hakim Mahkamah Agung dan serangan awam terhadap penggubal undang-undang, apabila kumpulan pelampau semakin berani dalam ruang sivil yang semakin mengecil.

Seorang aktivis hak Kristian menyuarakan kebimbangan mengenai ketidakaktifan kerajaan, dengan mengatakan Pakistan telah gagal menangani punca diskriminasi sistemik terhadap minoriti agama. LiCAS News

Iman sejati ialah melalui tindakan, kata-kata

VATIKAN: Semasa menyampaikan ucapan Angelusnya, Sri Paus Leo XIV merenungkan imej “pintu sempit” dalam Injil, yang digunakan oleh Yesus sebagai cara untuk menjawab seseorang yang bertanya sama ada hanya beberapa orang sahaja yang akan diselamatkan.

“Berusahalah untuk masuk melalui pintu yang sempit, kerana ramai yang cuba memasukinya tetapi tidak akan dapat.”

Sri Paus menegaskan bahawa imej ini mungkin menimbulkan persoalan: “jika Tuhan adalah Bapa Pengasih dan Rahmat, sentiasa menunggu dengan tangan terbuka untuk mengalu-alukan kita, mengapa Yesus mengatakan bahawa pintu keselamatan itu sempit?”

Bapa Suci menjelaskan bahawa Tuhan tidak cuba untuk melemahkan semangat kita. Sebaliknya, Dia mencabar mereka yang terlalu yakin dan berfikir bahawa mereka sudah terselamat – “mereka yang mengamalkan agama dan oleh itu percaya bahawa mereka berada dalam kedudukan yang baik.”

“Orang-orang ini,” kata Sri Paus Leo lagi, tidak benar-benar memahami bahawa hati seseorang tidak boleh diubah semata-mata melalui perbuatan keagamaan. Tuhan tidak mencari orang yang menjalani kehidupan terpisah daripada ibadah. Dia tidak mahu orang berkorban atau mena-



warkan doa jika ia tidak membawa kita untuk mengasihi saudara-saudari kita dan mengamalkan keadilan.

“Atas sebab ini,” kata Sri Paus, apabila orang yang menjalani kehidupan berasingan ini berdiri di hadapan Tuhan “berbangga bahawa mereka makan dan minum bersama-Nya dan mendengar ajaran-Nya,” Dia akan menolak mereka.

Injil pada hari Minggu itu menyampaikan pesan yang mencabar namun indah: “Walaupun kita kadangkala menghakimi mereka yang jauh dari iman, Yesus mencabar ‘kepastian orang yang beriman.’”

“Tidak cukup sekadar mengakui kepercayaan kita melalui kata-kata, pergi ke Misa, atau menghafal ajaran Kristian. Iman hanya menjadi tulen apabila ia menjadi sebahagian daripada seluruh kehidupan

kita. Iman harus menjadi asas pilihan kita, membimbing kita untuk menjadi lelaki dan wanita yang komited untuk melakukan kebaikan dan bersedia mengambil risiko dalam cinta, sama seperti yang dilakukan oleh Yesus.”

Sama seperti Yesus tidak mengambil jalan yang mudah, kita juga mesti membuat pilihan yang mencabar atau tidak popular, “berjuang melawan keegoisan kita, menyerahkan diri kita demi orang lain, dan bertekun dalam melakukan kebaikan walaupun logik kejahatan nampaknya menang.”

“Walaupun ia sukar, jika kita memilih jalan itu, kita akan menemui kehidupan baharu, memasuki hati Tuhan yang terbuka dan menemui kegembiraan Syurga,” ujar Sri Paus Leo. **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Orang ramai banyak bercakap tentang tabiat baik, tetapi bagaimana kita boleh memasukkannya ke dalam rutin harian kita untuk menentang sikap buruk kita?

Mengatasi tiga pertempuran ini akan membantu kita mempunyai rutin harian yang lebih baik, kerana jika kita ingin mencari keseimbangan yang sempurna untuk semua bidang kehidupan kita, ialah penting untuk mula mengendalikan tiga pertempuran yang kita hadapi semasa bangun pagi!

Ahli psikologi Carmen Hernandez, yang bekerja dengan golongan muda dan remaja, berkongsi tentang kepentingan membentuk tabiat baik dalam kehidupan seharian kita.

Tabiat baik akan membantu kita memenangi pertempuran pertama yang kita hadapi pada awal hari, dan ini akan menjadikan kita lebih kuat untuk menghadapi pertempuran yang lebih besar sepanjang hari.

Tiga tabiat baik ini boleh mula dilakukan sebaik sahaja matahari terbit.

Pertempuran pertama: Kemalasan

Kita sentiasa menyalahkan jam penggera, dan kita melihatnya sebagai musuh terburuk kita. Selepas tidur nyenyak yang indah, mendengar penggera tiba-tiba berbunyi untuk menandakan sudah tiba masanya untuk bangun!

Pastinya reaksi pertama kita ialah menekan butang “tunda” (snooze) supaya kita boleh berehat beberapa minit lagi, tetapi sebenarnya kita sudah kalah dalam pertempuran pertama hari ini, iaitu menentang kemalasan.

Oleh sebab itu, untuk mengatasi ini, praktikkan teknik “minit wira”, yang dicadangkan oleh Sto Josemaría Escrivá dalam bukunya *The Way*:

Minit wira: Masa yang ditetapkan un-



Tiga pertempuran yang kita hadapi ketika bangun pagi!

tuk bangun. Tanpa teragak-agak: bangun! Biar pun ‘terseksa’ untuk bangun tetapi ia menguatkan azam dan tidak membahayakan badan anda.

Pertempuran kedua: Lupa berdoa pagi

Ini merupakan kesan pertempuran harian yang pertama, kerana menangguhkan jam penggera menyebabkan kita bangun lewat, yang menangguhkan seluruh rutin kita. Ini bermakna kita sering lupa untuk mengucapkan selamat pagi kepada Tuhan.

Bagaimana kita boleh memenangi pertempuran ini?

Kita perlu menjadikan ia sebagai peraturan untuk meluangkan beberapa minit ringkas selepas bangun tidur untuk bersyukur kepada Tuhan atas hari baharu yang telah dikurniakan kepada kita.

Ia membantu kita memperbaharui kesedaran bahawa setiap hari ialah permulaan baharu dan peluang yang baik untuk menjadi versi terbaik diri kita.

Jangan lupa untuk menyerahkan aktiviti dan seluruh hari anda kepada Perawan Suci Maria, supaya dia dapat membantu

anda mengatasi godaan dan dosa dengan ketabahan dan kesederhanaan sepanjang hari.

Mengekalkannya ringkas – dan oleh itu tidak menakutkan – pada mulanya boleh membantu; kemudian, apabila kita mengukuhkan tabiat itu, kita boleh meluangkan lebih banyak masa untuknya.

Terapkan dalam diri bahawa jam penggera pagi sebagai peringatan untuk berdoa, dan bukan hanya untuk bangun!

Pertempuran Ketiga: Ketepatan waktu

Ingatlah bahawa kita mempunyai Tuhan yang teratur, jadi kita juga mesti teratur dalam kehidupan kita, memperuntukkan masa untuk segala-galanya.

Masa orang lain sama berharganya dengan masa kita, jadi kita patut membiasakan diri tiba beberapa minit lebih awal untuk setiap janji temu, ke sekolah, atau ke tempat kerja.

Jika kita tidak perlu keluar rumah, kita masih boleh menetapkan jadual untuk setiap perkara yang perlu kita lakukan supaya kita dapat menyelesaikannya tepat pada masanya. **Media Vatikan**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Pengampunan sejati

Pengampunan sejati tidak menunggu pertaubatan, tetapi menawarkan dirinya terlebih dahulu, walaupun belum diterima sebagai hadiah percuma.

Dengan kata-kata ini, Sri Paus Leo XIV mengulas tentang petikan dari Injil Yohanes yang menggambarkan Yesus menawarkan roti walaupun kepada Yudas yang mengkhianati-Nya.

Itulah logik Ilahi, jauh berbeza daripada logik manusia “do ut des” (sesuatu untuk sesuatu). Yesus, jelas Sri Paus, tidak sedar akan apa yang berlaku, tetapi kerana Dia melihat dengan jelas, Dia tahu bahawa “kebebasan orang lain, walaupun ia hilang dalam kejahatan, masih boleh dicapai oleh cahaya isyarat yang lembut.”

Walaupun pada saat yang paling gelap, tidak pernah terlambat untuk mencintai dan mengampuni.

Ini ialah sensasi ‘perlindungan’ pengampunan — pengampunan didahulukan, menawarkan tawaran pelukan belas kasihan, tanpa memerlukan sebarang prasyarat.

Ini sama seperti apa yang berlaku dengan pemungut cukai Zakheus, yang bertaubat kerana dipanggil dan dialu-alukan oleh Yesus, yang memohon izin untuk datang ke rumah Zakheus sebagai tetamu, mengejutkan semua orang kerana ia sesuatu memecahkan tradisi dan konvensyen sosial oleh orang Nazarene.

Betapa kehidupan dan hubungan kita memerlukan kemaafan jenis ini. Betapa dunia kita memerlukan pengampunan ini — yang bukan “kelemahan.”

Saya teringat kata-kata nubuat Sri Paus Yohanes Paulus II (JP II) melalui Pesan Keamanan Sedunia 2002, diterbitkan tidak lama selepas serangan pengganas September 11, di Amerika Syarikat.

Sementara semua orang bercakap tentang pembalasan, namun JP II menegaskan bahawa “tiada keamanan tanpa keadilan, tiada keadilan tanpa pengampunan.”

JP II berkata, “Saya sering berhenti sejenak untuk merenungkan soalan yang berterusan: bagaimana kita memulihkan ketertiban moral dan sosial yang telah mengalami keganasan yang mengerikan?”

Mendiang JP II itu menyatakan tiang-tiang keamanan sejati ialah keadilan dan bentuk cinta yang berupa pengampunan.

Seperti yang dijelaskan oleh JP II, ketiadaan pengampunan akan menyebabkan konflik terus semarak dan berterusan, ialah sangat mahal daripada segi pembangunan manusia.”

Sumber yang digunakan untuk senjata bukannya untuk pembangunan, keamanan dan keadilan, memberi penderitaan kepada umat manusia kerana kegagalan untuk berdamai!

Bukan sahaja individu, tetapi juga keluarga, kumpulan, masyarakat, Negara dan komuniti antarabangsa itu sendiri memerlukan pengampunan untuk memperbaharui hubungan yang telah terputus, mengatasi situasi saling mengutuk dan mengatasi godaan untuk mendiskriminasi orang lain tanpa rayuan.

Betapa tergendalanya kemajuan kerana kegagalan untuk memaafkan! Kedamaian ialah penting untuk pembangunan, tetapi kedamaian sejati hanya dapat dicapai melalui pengampunan.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



ABMA mengembangkan *communio* dengan Tuhan melalui *Lectio Divina*

PORT DICKSON: Pada 9 Ogos 2025, *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate* (ABMA) telah mengadakan program susulan jangkauan untuk Komuniti Umat berbahasa Malaysia (KUBM) di Gereja *Immaculate Conception* (CIC) Port Dickson.

Program ini merupakan program susulan selepas sesi "Pengalaman Kerohanian Komuniti" yang telah diadakan pada Julai tahun lalu.

Bagi program susulan ini, paderi paroki CIC, Fr Edwin Peter, telah meminta program berbentuk "Pendekatan Alkitab".

Oleh yang demikian, ABMA telah bekerjasama dengan Kuala Lumpur *Archdiocesan Bible Apostolate* (KLABA) dan menganjurkan sebuah program yang bertujuan mendekati Alkitab melalui kaedah *Lectio Divina*.

Seramai 30 orang peserta, termasuk 10 orang kanak-kanak, telah menyertai program sehari ini.



Objektif program adalah untuk:
1. Mengenal dan menghayati Alkitab dengan memahami firman-Nya.
2. Menggalakkan pembentukan kumpulan *Lectio Divina*.

Sesi dimulakan dengan upacara Pentakhtaan Alkitab yang dipimpin oleh Sr Theresa Petrus FSIC. Seterusnya, Timbalan Pengerusi ABMA, Walter Victor menyampaikan kata alu-aluan dan memperkenalkan penceramah

dari KLABA iaitu Sdra Bernard Toides dan Sdri Jennifer Lister Sikayun.

Sesi pertama, "Mengenal Alkitab" oleh Sdri Jennifer ialah mengenai perbezaan Alkitab Katolik dan Protestan, sejarah penulisan, dan kandungan Alkitab.

Sesi kedua, "Apakah itu *Lectio Divina*" memperkenalkan kepada para peserta tentang *Lectio Divina* yang bermaksud "Pembacaan Ilahi".

Lectio Divina merupakan kaedah pembacaan spiritual Kitab Suci yang telah diamalkan sejak zaman Bapa-Bapa Gereja.

Penceramah menerangkan empat tahap utama *Lectio Divina* iaitu *Lectio* (membaca); *Meditatio* (merenung); *Oratio* (berdoa) dan *Contemplatio* (kontemplasi).

Sesi praktikal juga diadakan secara berkumpulan dengan bimbingan penceramah dan beberapa orang religius.

Para peserta dijemput untuk memberikan perkongsian peribadi sebelum program diakhiri dengan rumusan menyeluruh oleh Sdra Bernard.

Sesi soal jawab juga diadakan untuk membincangkan cabaran yang dihadapi oleh peserta semasa mempraktikkan *Lectio Divina*.

Menariknya, kanak-kanak yang hadir bersama ibu bapa mereka dalam program ini turut belajar Alkitab yang dikendalikan oleh Sr Theresa, Sr Michaelina dan Sdri Liza Dusin.

Kanak-kanak itu membuat persembahan kreatif lagu untuk membantu mengingati 27 buku dalam Perjanjian Baru.

Sebelum program berakhir, Fr Edwin telah membentuk kumpulan 'Pelayanan Alkitab' dengan melantik empat orang ahli KUBM yang hadir. Program diakhiri dengan doa penutup oleh Sr Judith Benedict, diikuti dengan berkat oleh Fr Edwin. **Sr Sylvia Stanis FSIC**



MEMBAKUT: Seramai 107 peserta telah menyertai Program Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 (MPC) di paroki St Patrick, Membakut (SPM) yang telah diadakan di Dewan Tertutup gereja tersebut;

Acara ini berlangsung dengan jaya dan memberi peluang kepada umat untuk memperdalam pemahaman mereka mengenai perkembangan Gereja Katolik serta pentingnya perubahan ke arah yang lebih baik. Sesi dimulakan dengan memperkenalkan tema penting yang dibawa dalam dokumen *Fratelli Tutti* oleh Fr Boniface Kimsin.

Beliau menekankan tentang tanggungjawab sosial dan persaudaraan dalam komuniti serta bagaimana nilai-nilai ini dapat diterapkan dalam kehidupan seharian umat. Bersama Fr Boniface, sesi kedua dikendalikan oleh Johnny Jilos Miran, yang membentangkan rekomendasi perancangan pastoral.

Dengan pendekatan yang berfokus kepada masa depan, sesi ini mengajak peserta untuk merenung

dan merancang langkah-langkah praktikal bagi menerap dan meletakkan nilai-nilai gereja dalam konteks masyarakat masa kini. Program ini turut melibatkan bengkel yang telah diadakan dengan penyertaan tujuh kumpulan.

Setiap kumpulan telah membentangkan hasil perbincangan mereka, merangkumi pelbagai isu yang dihadapi oleh Gereja dan cara-cara untuk mengatasinya.

Fokus utama adalah pada penyedaran dan penglibatan umat dalam proses pembangunan Gereja pada era yang serba mencabar ini.

Pada penghujung program, Fr Boniface Kimsin memberikan penegasan dan penggalangan, menekankan harapannya agar semua yang telah dibincangkan dan dibentangkan dapat membantu umat untuk lebih peka dan responsif terhadap perubahan yang berlaku di dalam dan luar gereja.

Paderi itu menegaskan bahawa tidak terlalu lewat untuk kita semua untuk berubah dan berusaha ke arah masa depan yang lebih positif,

dengan mengekalkan semangat persaudaraan seperti yang ditekan dalam dokumen *Fratelli Tutti*.

Hasil pembentangan daripada ketujuh kumpulan turut menunjukkan bahawa umat bukan sahaja sedar akan keperluan untuk memahami perkembangan semasa Gereja, tetapi juga bersemangat untuk terlibat secara aktif dalam mencorak masa depan yang lebih baik.

Program ini diakhiri dengan harapan untuk membangunkan tindakan kolektif dan komitmen daripada setiap individu dalam mencapai tujuan bersama di dalam komuniti Gereja.

Program MPC SPM ini bukan sahaja bertujuan untuk mendidik umat, tetapi juga untuk menggalakkan satu semangat kolaborasi dan keinginan untuk maju bersama dalam iman dan amal.

Dengan keberanian untuk berubah, diharapkan Gereja Katolik dapat terus melangkah ke hadapan, menyebarkan pesan kasih dan persaudaraan kepada semua. **Peter Paulus**



Uskup Cornelius berkati Gereja baharu di daerah terpencil Sook

SOOK: Tarikh Ogos 10, 2025 merupakan tarikh bersejarah untuk paroki Roh Kudus, Sook apabila sebuah Gereja telah dirasmikan dan diberkati.

Gereja St Peter, Kampung Kabatang Baru telah diberkati oleh Uskup Cornelius Piong.

Pada hari itu, perkarangan Gereja telah dibanjiri umat yang kebanyakannya berpakaian putih.

Acara dimulakan dengan upacara pemberkatan bangunan Gereja, altar, salib dan mimbar yang dipimpin oleh Bapa Uskup serta dibantu oleh Fr Bede Morti dan Fr Bonaventure Unting, kemudian diikuti dengan Misa Kudus.

Dalam homilinya, prelatus itu mengungkapkan rasa syukur sepanjang 32 tahun penubuhan Keuskupan Keningau, Roh Kudus telah banyak membantu keuskupan kedua di Sabah itu dengan perkembangan iman serta pembangunan Gereja-gereja baharu.

"Diharapkan dengan adanya Gereja baru, umat dapat beribadah dengan lebih selesa. Gereja ini

bukan sahaja akan menjadi tempat untuk berdoa bersama kepada Tuhan tetapi juga menjadi tempat pertemuan di antara sesama," kata Uskup Cornelius.

Selepas Misa, simbolik perasmian diadakan dengan menandatangani plak perasmian yang disempurnakan oleh Uskup Cornelius dan YB Datuk Arthur Joseph Kurup.

Prelatus bersama tetamu kehormat dan para paderi juga menanam pokok dihadapan Gereja sebagai memperingati hari pemberkatan dan perasmian Gereja tersebut.

Gereja St Peter yang baharu diberkati ini terletak di Kampung Kabatang Baru sebuah kampung yang terletak dalam Bahagian Pedalaman, di Daerah Kecil Sook yang dibawah pentadbiran Daerah Keningau, negeri Sabah, Malaysia.

Gereja ini telah lama wujud iaitu sejak tahun 70-an dan pernah dibaik pulih sekitar tahun 1988.

Kini, Gereja baharu telah siap dibina dan boleh menempatkan lebih 200 umat.